

15 NOV 1996

MENARA KL DILAWATI 454,000 PENGUNJUNG SEJAK DIBUKA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Mercu tanda terbaru negara Menara Kuala Lumpur telah menarik 454,000 pengunjung sejak dibuka Julai lepas.

Pengurus Besar Menara Kuala Lumpur Sdn Bhd, Mohd Nasir Ithnin ketika dihubungi Bernama hari ini berkata antara 2,000 dan 2,500 pelawat mengunjungi menara setinggi 421 meter dari paras tanah itu setiap hari.

Katanya jumlah itu meningkat kepada 7,000 pada hujung minggu dan cuti umum.

Bayaran masuk ke menara itu ialah RM8 bagi orang dewasa dan RM3 bagi kanak-kanak berusia empat tahun hingga 12 tahun manakala orang cacat dikenakan RM6.

Menara Kuala Lumpur yang terletak di Bukit Nenas itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan lepas.

Mercu kebanggaan negara bernilai RM270 juta dan mengandungi unsur-unsur seni semasa dan tradisional Islam itu mula dibina empat tahun lepas. Ia merupakan menara ketiga tertinggi di dunia selepas Menara Toronto CN (553 meter) dan Menara Moscow (537 meter).--BERNAMA

RZS MAI